

WANITA DALAM ADAT PERPATIH



Adat telah lama menjadi sumber perundangan dalam kebanyakan negara di dunia seperti England dan Perancis. Di Malaysia, adat merupakan satu daripada sumber perundangan tidak bertulis. Terdapat pelbagai adat yang diamalkan di Malaysia seperti adat Melayu, adat China, adat Hindu, serta adat peribumi Sabah dan Sarawak. Adat Perpatih pula terletak di bawah kategori adat Melayu dan merupakan satu adat yang unik di Malaysia. Adat ini telah diamalkan di Malaysia untuk sekian lamanya. Hal ini dikatakan demikian kerana bermula dengan dua bersaudara, iaitu Datuk Perpatih Nan Sebatang dan Datuk Katamanggungan; mereka merupakan saudara seibu, tetapi berlainan bapa. Kedua-dua beradik ini ialah pengasas kepada dua sistem adat yang ada pada hari ini, iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggong. Adat Perpatih diamalkan di Negeri Sembilan dan di daerah Naning, serta Alor Gajah di Melaka.

Adat Perpatih terkenal dengan perbilangan (*customary sayings*) yang menjadi sumber undang-undang. Selain itu, adat ini diperolehi daripada petiti, sajak tradisi dan perbincangan adat. Di Negeri Sembilan, Adat Perpatih mempunyai peruntukan mengenai pentadbiran dan perlembagaan, perkahwinan dan perceraian, serta anak angkat dan sistem perwarisan.

Adat Perpatih menggunakan sistem suku yang bercorak matrilineal yang mengambil garis keturunan daripada sebelah ibu. Hal ini amat berbeza daripada Adat Temenggong yang menitikberatkan keturunan sebelah bapa. Oleh sebab Adat Perpatih menggunakan sistem matrilineal, maka wanita mempunyai kedudukan tertentu dalam sistem ini.



Rajah 1 Susur galur pemerintahan dalam Adat Perpatih.

Sistem unilateral-matrilineal ini merupakan dasar Adat Perpatih. Suku ialah gabungan daripada beberapa Perut yang masing-masing berkongsi nenek moyang. Walaupun sistem Adat Perpatih berasaskan Perut sebelah ibu, namun dari sudut pemerintahan dan pentadbiran adat, saudara lelaki sebelah ibu ialah ketua keluarga yang disebut sebagai mamak.

Untuk menjadi Buapak juga, biasanya lelaki daripada Perut yang ditentukan, dan

seterusnya pada Lembaga, Undang dan Yang di-Pertuan Besar. Semuanya lelaki, tetapi mengambil asas atau dasar daripada perut sebelah ibu. Oleh hal yang demikian, sekiranya satu suku itu tiada anak perempuan, maka hak mereka terputus dengan anak lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana anak lelaki berkahwin dengan wanita daripada suku yang lain (kerana perkahwinan sesuku adalah dilarang) dan oleh itu, suku anak-anaknya ialah suku isteri dan bukan lagi suku beliau. Dari sudut ini didapati wanita mempunyai kedudukan yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana Perut ibu (wanita) merupakan satu-satunya penentu siapa yang berhak kepada pucuk pemerintahan Adat Perpatih seperti Perut, Suku, Luak dan Negeri. Melalui wanita juga (Perut) seorang lelaki berhak menuntut haknya dalam hierarki pemerintahan.

Dalam tradisi Adat Perpatih, perkahwinan dibahagikan kepada norma perspektif dan perkahwinan adat. Norma

perspektif ialah eksogami yang melarang lelaki menikahi perempuan daripada sukunya sendiri atau sesuku sedangkan norma perkahwinan adat pula ialah melakukan perkahwinan silang pupu, iaitu dengan anak gadis abang atau adik lelaki ibu sendiri dengan anak gadis kakak atau adik perempuan ayah. Perkahwinan silang pupu sering dilakukan terutama apabila tiadanya anak perempuan untuk meneruskan atau mengembangkan suku. Hal ini juga berkaitan rapat dengan harta pusaka adat yang hanya boleh diwarisi oleh perempuan daripada suku tersebut.

Keunikan adat perkahwinan dalam Adat Perpatih terletak pada kedudukan wanita, iaitu melibatkan proses merisik, meminang, akad nikah, hari olek dan menyalang. Semua urusan ini terfokus kepada wanita yang hendak dinikahi mengikut adat yang telah disusun rapi. Kedudukan wanita di Negeri Sembilan terserlah sehingga disalahtafsirkan sebagai *queen control* atau terlalu menyebelahi wanita.

Berdasarkan Adat Perpatih, perkahwinan mewujudkan orang semenda dan tempat semenda. Orang semenda ialah lelaki yang berkahwin dengan wanita Negeri Sembilan dan tempat semenda pula merupakan rumah tempat tinggal wanita tersebut bersama-sama keluarganya. Status orang semenda ialah:

"Orang semenda disuruh pergi. Dia panggil datang; Raja orang semenda, tempat semenda."



Selepas berkahwin, wanita Adat Perpatih tidak tinggal bersama-sama dengan keluarga, kecuali anak perempuan bongsu.

"Pelestit dua sekampung
Sebatang enau dua sigai
Kapal dua nakhoda."

Perbilangan ini melarang orang semenda (lelaki yang berkahwin dengan wanita Negeri Sembilan) berkahwin dengan mana-mana wanita Negeri Sembilan yang sesuku dengan isterinya tadi. Larangan ini jelas menunjukkan bagaimana Adat Perpatih memberikan kedudukan yang istimewa kepada wanita Negeri Sembilan. Maka itu, secara tidak langsung, Adat Perpatih tidak menggalakkan poligami dalam kalangan lelaki yang berkahwin di Negeri Sembilan.

Amalan sistem adat ini ialah suami tinggal di rumah atau kawasan keluarga isteri selepas berkahwin. Pada masa yang sama, anak lelaki Negeri Sembilan pula meninggalkan rumah keluarga atau kampungnya dan berpindah ke rumah atau tempat keluarga isterinya pula. Hal ini memungkinkan wanita Adat Perpatih tinggal bersama-sama dalam satu kelompok masyarakat dan berada lebih selamat. Wanita Adat Perpatih tidak tinggal bersama-sama keluarga selepas berkahwin, kecuali anak perempuan bongsu. Apa-apa yang berlaku ialah sebaik-baik sahaja anak perempuan berkahwin, mereka akan membina rumah di atas tanah pusaka adat milik ibu mereka dan tinggal berdekatan dengan rumah ibu bapa dan saudara mara perempuan mereka. Hubungan kekeluargaan menjadi erat dan



Proses kedim yang dilakukan dalam pengambilan anak angkat.

Foto: <https://www.youtube.com>

mereka biasanya berkongsi tanah dan hasilnya, penjagaan anak, dan sebagainya. Oleh itu, hal ini memperjelas kedudukan wanita sebagai pemilik tanah adat yang mempunyai kuasa bersama-sama terhadap tanah tersebut. Malah, mereka juga berkemampuan berdikari kerana memiliki rumah sendiri dan boleh tinggal bersama-sama suami dan anak-anak tanpa menumpang atau menyewa rumah orang lain.

Sekiranya berlaku ketidakerasian dalam rumah tangga dan mengakibatkan keretakan rumah tangga, maka, pasangan tersebut akan dipanggil berunding bersama-sama keluarga isteri dan Buapak. Melafazkan talak merupakan langkah terakhir. Namun begitu, sekiranya semasa berkahwin pihak lelaki dijemput dengan tepak sirih, maka bukanlah mudah menyuruhnya turun dari rumah isterinya kerana "hutang dibayar, piutang diterima" oleh tempat semenda. Secara kebiasaannya, lafaz talak dibuat

di hadapan tempat semenda atau Buapak, namun hari ini lafaz talak hendaklah dibuat di hadapan dan dengan kebenaran Mahkamah Syariah. Proses ini juga menunjukkan bahawa wanita dalam Adat Perpatih mempunyai kedudukan yang sangat tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana sistem adat ini menyebabkan wanita tidak boleh diperkotak-katikkan sesuka hati. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Buapak melindungi kedudukan wanita dalam rumah tangga.

Selain itu, pengambilan anak angkat di bawah Adat Perpatih merupakan proses yang khas dan unik. Proses ini dikenali sebagai "berkedim". Kedim memberikan implikasi hak, iaitu menjadikan seseorang itu saudara rapat yang membolehkannya menuntut harta pusaka. Terdapat tiga jenis pengambilan anak angkat iaitu; anak angkat sepenuhnya (kedim adat dan pusaka), anak angkat terhadap (kodin adat) dan anak angkat pseudo atau pal.



Pemilikan harta tanah merupakan hak milik suku, dan bukannya individu.

Keunikan Adat Perpatih dan kedudukan wanita terserlah dalam proses pengambilan anak angkat kerana di bawah peraturan adat hanya wanita sahaja yang boleh mengambil anak angkat dan jika berlaku perceraian, anak angkat menjadi milik ibu angkatnya.

Anak angkat sepenuhnya bermakna hubungan antara anak angkat dengan ibu angkatnya seperti anak kandung sendiri. Sekiranya anak angkat itu perempuan, maka mereka berhak mewarisi harta pusaka. Namun begitu, sekiranya lelaki, maka mereka layak memegang jawatan adat. Pengambilan anak angkat terhad bermakna


wujud hubungan antara ibu dengan anak angkat, tetapi anak tersebut tidak boleh mewarisi harta pusaka. Bagi anak angkat pseudo, transaksi pengambilan anak angkat tidak memenuhi syarat untuk membolehkan mereka menjadi anak angkat terhad. Oleh itu, seorang wanita boleh mengambil seorang wanita lain untuk tinggal bersama-samanya dan membantu dalam urusan di rumah. Wanita yang diambilnya itu tidak mendapat sebarang hak. Berdasarkan Adat Perpatih, sesiapa sahaja layak diambil sebagai anak angkat dan tiada had umur ditentukan.

Keunikan Adat Perpatih dan kedudukan wanita terserlah dalam proses pengambilan anak angkat kerana di bawah peraturan adat hanya wanita sahaja yang boleh mengambil

anak angkat dan jika berlaku perceraian, anak angkat menjadi milik ibu angkatnya. Seorang lelaki tidak boleh mengambil anak angkat, tetapi boleh mengambil kakak atau adik angkat perempuan.

Dalam sistem Adat Perpatih, terdapat beberapa jenis harta, iaitu harta pusaka, harta dapatan, harta pembawa dan harta cari laki bini. Berdasarkan Adat Perpatih, tanah pusaka hanya boleh diwarisi oleh wanita dalam sesuatu suku. Tanah ialah milik suku dan bukan individu. Hak milik yang diberikan kepada masyarakat adat adalah terhad dan perlu dipersetujui oleh Waris dan Lembaga. Waris dan Lembaga berhak menahan penjualan.

Sebenarnya, hanya tanah adat sahaja yang terlibat sedangkan harta daripada



jenis yang lain boleh dimiliki oleh lelaki dan perempuan. Dari segi hak dan status, Adat Perpatih memberikan hak dan perlindungan utama kepada wanita, iaitu harta pusaka yang biasanya dalam bentuk tanah atau rumah, wanita ini mempunyai tempat tinggal tersendiri dan tidak terlalu bergantung pada suami. Selain itu, suami (orang sendema) berasa "segan" (berhati-hati) dalam tingkah lakunya terhadap isteri. Bukan sahaja isteri mempunyai harta dan kedudukan, malah isteri dilindungi oleh waris lelakinya, Suku dan Lembaga.

Malah, wanita yang mewariskan harta adat mempunyai tanggungjawab terhadap waris lelaki seperti kata perbilangan "cicir dipungut, hilang dicari, nyawa dan darah waris yang punya, rugi, laba isteri yang punya." Antara tanggungjawab wanita pemegang pusaka termasuklah belanja mengisi adat yang berhubung kesalahan perkahwinan, membayar hutang lelaki bujang yang meninggal dunia, memberikan tempat tinggal di rumahnya semasa lelaki itu tiada beristeri, perbelanjaan pengurusan kematian saudara lelaki, perbelanjaan pelajaran agamanya dan membantu dalam perbelanjaannya ke Mekah untuk menunaikan haji.

Harta dapatan pula merupakan harta yang dimiliki oleh wanita sewaktu dia berkahwin. Hal ini termasuklah harta carian bujang, harta carian janda, harta sepencarian dan harta

Kedudukan wanita dalam sistem Adat Perpatih menunjukkan wanita mempunyai kedudukan dan status yang telah ditentukan.

pusaka. Menurut prinsip adat, harta dapatan jatuh kepada anak perempuannya apabila wanita ini meninggal dunia. Kemudian, harta pembawa merupakan harta seorang lelaki yang dimiliki semasa dia masih bujang. Hal ini termasuk harta yang dia peroleh daripada ibu bapanya sendiri atau yang dia beli sendiri. Apabila dia meninggal dunia selepas dia berkahwin, harta ini kembali kepada saudara perempuannya atau warisnya. Harta ini boleh dituntut oleh isteri dan anaknya sekiranya dia mewariskan harta itu kepada mereka. Namun begitu, sekiranya isteri meninggal dunia, keluarga suami berhak membuat permohonan memulangkan harta pembawa melalui kenduri "meratus hari", iaitu si suami dijemput balik ke tempat asalnya oleh keluarganya sendiri kerana dia tidak berhak untuk terus tinggal di tanah isterinya setelah isterinya meninggal dunia.

Harta carian laki bini dalam Adat Perpatih ini merupakan sumber utama dalam konsep harta sepencarian yang kini menjadi sebahagian dari undang-undang Islam di Malaysia. Dari segi hukum syarak, apa-apa hukum adat

(tiang) yang biasa diamalkan dalam sesebuah masyarakat dan tidak bercanggah dengan hukum syarak boleh diterima pakai sebagai hukum Islam. Peruntukan mengenai harta sepencarian boleh dirujuk dalam seksyen 122, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Kedudukan wanita dalam sistem Adat Perpatih menunjukkan wanita mempunyai kedudukan dan status yang telah ditentukan. Selain itu, adat ini memberikan perlindungan yang mencukupi kepada wanita, iaitu diberikan peruntukkan khas mengenai harta pusaka dan peruntukkan ini dikanunkan dalam Enakmen Tanah Adat. Peruntukkan Kanun Tanah Negara hendaklah dibaca bersama-sama Enakmen Tanah Adat dan Peruntukkan Enakmen Tanah Rizab Melayu, Negeri Sembilan tidak terpakai kepadanya. Malah, sebagai pemegang amanah kepada harta pusaka keluarga, wanita memikul tanggungjawab yang berat dan ini merupakan pengiktirafan kepada wanita yang diberikan oleh Adat Perpatih.

Wanita Malaysia secara amnya, dan wanita Negeri Sembilan khususnya, sepatutnya berbangga dengan pencapaian ini kerana semasa wanita Barat masih terkial-kial mencari identiti diri, serta status dan haknya, wanita Negeri Sembilan telah mendapat pengiktirafan jauh lebih awal lagi bukan sahaja oleh masyarakat Melayu, tetapi oleh penjajah.